



Faculty of Education and Social Sciences
IUM

Leading the World



ICLET 2023

5TH ICLET 2023

THE INTERNATIONAL CONFERENCE OF LANGUAGES, EDUCATION AND
TOURISM 2023

PROGRAMME BOOK

THEME: Diversity and Transformation in Language, Education and
Tourism Towards a Sustainable Society

7TH - 9TH AUGUST 2023

IN COLLABORATION WITH

KULLIYAH OF LANGUAGES AND
MANAGEMENT (KLM), IUM



KULLIYAH OF EDUCATION
(KOED), IUM

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT
ISTIADAT MELAYU PERLIS
(MAIPS)

CENTRE FOR LANGUAGES AND
PRE-UNIVERSITY ACADEMIC
DEVELOPMENT (CELPAD), IUM



**CONFERENCE
PROGRAMME**

Parallel Session 2
7th August 2023
Start at 11:00 am (Malaysia Local Time)
IIUM Pagoh Campus Muar, Johor

Seminar Room	Queue ID	Abstract ID	Authors	Title
1	1	Edu/Malay/I D:70	Pavitira Nagaraju Prof. Dr. Vijayaletchumy Subramaniam	Penilaian Keberkesanan Terhadap Penggunaan Konsep Mi Semasa Pengkategorian Golongan Kata Dalam Kalangan Murid
	2	Edu/Malay/I D:75	Dr.Noor Azmira Mohamed, Mr Chang Yi Chang	Analisis Keberkesanan Pelaksanaan Program Kelas Tambahan Bahasa Melayu Oleh Pensyarah-Pensyarah Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) Dalam Usaha Memperkukuhkan Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar-Pelajar Cina Tahun Tiga Dan Empat Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jeram, Kampar, Perak: Satu Kajian Kes
	3	Edu/Malay/I D:31	Chew Fong Peng Hidayahatul Najihah Zaidi	Sikap Dan Strategi Guru Dalam Pengajaran Tatabahasa Bahasa Melayu
	4	Edu/Malay/I D:69	Mohd Hafiszudin bin Mohd Amin, Nor Fatin Adlina Mohd Salleh, Wahiza Wahi	Kaedah Pembelajaran Teradun Untuk Mempelajari Kemahiran Pembentangan Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
	5	Edu/Malay/I D:98	Ismail Bin Pidolis Nora Azian Binti Nahar	Impak Elemen Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) Terhadap Kemahiran Komunikasi Pelajar Program Bahasa Melayu Untuk Komunikasi Antarabangsa Di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
	6	Edu/Malay/I D:67	Saripah Selamat Kamariah Abu Bakar	Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran (PDP) Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Potensi Kad Imbas Sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) Yang Digunakan Oleh Guru
2	1	Edu/English/ ID:107	Yee Chin Yip, Nurhasma Muhammad Saad, Nurul Ain Chua	Development And Validation Of Technology Acceptance Model (Tam) For University Mandarin Learners Using Exploratory And Confirmatory Factor Analysis
	2	Edu/English/ ID:36	Aspawati Binti Haji Basri, Mohd Zaki Bin Ishak, Mohamad Ibni Bin Rusdam	Implications Of Learning And Facilitation Of Mathematics Word Problem Solving Using The Bar Model Drawing Among Year Five Pupils At Tuaran, Sabah
	3	Edu/English/ ID:120	Saira Riaz	Middle Leaders And Trust: A Mixed Method Study Of Two Private Secondary Schools In Islamabad In

3	1	Lan/Malay/I D:111	Nadia Shuhada Abdan Nasir Vijayaletchumy Subramaniam	Corak Bacaan Suku Kata Murid Disleksia
	2	Lan/Malay/I D:94	Nazirul Azri Bin Mohd Hirol Rizal	Analisis Kata Kerja 'Makan' Dalam Dialek Pulau Pinang
	3	Lan/Malay/I D:95	Nur Shuhadah Mohd Khairi, Nora'Azian Nahar	Implikatur Perbualan Berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) Dalam Iklan Raya 2023
	4	Lan/Malay/I D:96	Farah Aina Azhar Nora Azian Nahar	Analisis Kesantunan Berbahasa Dalam Filem Hantu Kak Limah
	5	Lan/Malay/I D:99	Mohd Faisal Bin Zulkifli Nora Azian Binti Nahar	Analisis Kesalahan Tatabahasa: Penelitian Terhadap Penterjemahan Daripada Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu Melalui Platform 'Google Translate'
	6	Lan/Malay/I D:125	Amirra Shazreena Vijayaletchumy Subramaniam	Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Dalam Pembinaan Inovasi Imbuhan Pembelajaran Abad Ke-21
	7	Lan/Malay/I D:148	Arina Johari, Akhmal Hakim Mohamad, Nurul Jamilah Rosly, Julaina Nopiah	Strategi Kesantunan Dalam Filem Melayu Klasik Damaq
	8	Lan/Malay/I D:149	Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Azean Idruwani Idrus, Siti Yuliandi Ahmad	Kepintaran Budaya: Interaksi Silang Bahasa Dan Budaya Dalam Kalangan Pelajar Iium



**LIST OF
PAPERS**

KERTAS PERSIDANGAN BAHASA MELAYU (ABSTRAK)

SUB-THEME: LANGUAGE		
Abstract ID	Authors	Title
Lan/Malay/I D:72	Mohamad Suhaizi Suhaimi, Muhammad Hariz Imran Mohamad Azlan	Lagu Tradisional Dalam Sewang Masyarakat Orang Asli Suku Kaum Jakun: Analisis Teori Relativiti Linguistik
Lan/Malay/I D:74	Usha Nagasundram; Vijayaletchumy Subramaniam	Modul Arif Huruf Kecil Dan Besar Dalam Kata Nama Am Dan Khas Dalam Kalangan Murid Sjk(T)
Lan/Malay/I D:115	Aminnudin	Pemilihan Unsur Kepimpinan Dalam Peribahasa: Kajian Dari Sudut Ekolinguistik
Lan/Malay/I D:102	Sara Beden	Daya Ilokusi Bach & Harnish (1979) Dalam Teks Prosa Klasik
Lan/Malay/I D:56	Mazlina Baharudin	Penulisan Karangan Pelajar Asing: Analisis Kesalahan Tatabahasa Bahasa Melayu
Lan/Malay/I D:89	Halimah Pondo And Elsa Putri Ermisah Syafri	Kosmologi Segitiga Di Alam Melayu
Lan/Malay/I D:146	Julaina binti Nopiah, Arina binti Johari, Nurul Jamilah binti Rosly, Azean Idruwani binti Idrus	Elemen Kasih Sayang Dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif
Lan/Malay/I D:111	Nadia Shuhada Abdan Nasir Vijayaletchumy Subramaniam	Corak Bacaan Suku Kata Murid Disleksia
Lan/Malay/I D:94	Nazirul Azri Bin Mohd Hirol Rizal	Analisis Kata Kerja 'Makan' Dalam Dialek Pulau Pinang
Lan/Malay/I D:95	Nur Shuhadah Mohd Khairi, Nora'Azian Nahar	Implikatur Perbualan Berdasarkan Prinsip Kerjasama Grice (1975) Dalam Iklan Raya 2023
Lan/Malay/I D:96	Farah Aina Azhar Nora Azian Nahar	Analisis Kesantunan Berbahasa Dalam Filem Hantu Kak Limah
Lan/Malay/I D:99	Mohd Faisal Bin Zulkifli Nora Azian Binti Nahar	Analisis Kesalahan Tatabahasa: Penelitian Terhadap Penterjemahan Daripada Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu Melalui Platform 'Google Translate'
Lan/Malay/I D:125	Amirra Shazreena Vijayaletchumy Subramaniam	Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi Dalam Pembinaan Inovasi Imbuhan Pembelajaran Abad Ke-21
Lan/Malay/I D:148	Arina Johari, Akhmal Hakim Mohamad, Nurul Jamilah Rosly, Julaina Nopiah	Strategi Kesantunan Dalam Filem Melayu Klasik Damaq
Lan/Malay/I D:149	Arina Johari, Nor Zainiyah Norita Mokhtar, Nurul Hanilah Mohd. Ismath, Azean Idruwani Idrus, Siti Yuliandi Ahmad	Kepintaran Budaya: Interaksi Silang Bahasa Dan Budaya Dalam Kalangan Pelajar Iium
Lan/Malay/I D:129	Halimah binti Pondo, Azean Idruwani binti Idrus, Nurul Jamilah binti Rosly, Aminnuddin bin Saimon	Norma Interaksi Dan Penafsiran Genre Teks Perbahasan (Dun) Sarawak
Lan/Malay/I D:138	Nurdiyana Noordin, Azean Idruwani Binti Idrus	Analisis Stilistik Dalam Himpunan Puisi Najmi Fetih
Lan/Malay/I D:122	Amirra Normania Chan Sudirman Julaina Nopiah	Refleksi Kuasa Dalam Peribahasa Melayu



ABSTRACTS

Strategi Kesantunan dalam Filem Melayu Klasik Damaq

Arina Johari, Akhmal Hakim Mohamad, Nurul Jamilah Rosly, Julaina Nopiah

Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Malaysia

Emel: arinajr@iium.edu.my

Kajian ini menekuni bidang kesantunan daripada perspektif ilmu pragmatik. Isu kesantunan Melayu yang terkandung di dalam filem Melayu klasik Damaq dijadikan tunjang utama kajian dengan berpandukan Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987). Kajian ini menggariskan dua objektif, iaitu mengenal pasti strategi kesantunan dan menganalisis penggunaannya dalam filem Damaq. Lima strategi kesantunan B&L, iaitu (i) strategi

Berterus-terang (SBB), (ii) strategi kesantunan positif (SKP), (iii) strategi kesantunan negatif (SKN), (iv) strategi kesantunan tidak langsung (STL), dan (v). Strategi tidak melakukan Tindakan Ancaman Muka (TAM) dianalisis dalam 11 babak dengan 24 konteks perbualan dengan jumlah keseluruhan 198 dialog daripada lima watak dalam filem Damaq. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif melalui lima metod, iaitu (i) kaedah kepustakaan, (ii) kaedah muat turun bahan, (iii) kaedah transkripsi, (iv) kaedah analisis teks dan (v) kaedah penjadualan data. Hasil analisis mendapati bahawa keempat-empat strategi kesantunan B&L diaplikasikan oleh lima watak, iaitu Damaq, Anggerik, Bujang, Kenanga dan Gejala dalam tiga variasi padanan strategi kesantunan yang berbeza-beza. Tiga strategi, iaitu SKP, SKN dan STL didapati memperlihatkan aplikasi yang sama dominan dengan perbezaan jumlah dan peraturan yang sangat rendah; membuktikan bahawa setiap watak telah mempamerkan usaha yang tinggi untuk menyantuni di antara satu sama lain serta khalayak penonton demi mencapai matlamat komunikasi yang ditetapkan.

Kata kunci: Strategi Kesantunan, Filem Melayu Klasik, Model Kesantunan B&L, dan media

STRATEGI KESANTUNAN DALAM FILEM DAMAQ



DR. ARINA JOHARI
AKHMAL HALIM MOHAMAD,
DR NURUL JAMILAH,
DR JULAINA NOPIAH

PENGENALAN

- Filem merupakan salah satu bentuk hiburan di media sosial dan elektronik yang terus popular dari generasi ke generasi serta berupaya mempengaruhi sebahagian besar kehidupan mereka.
- Filem yang hebat seharusnya dapat menjadi medium yang mendidik masyarakat ke arah penggunaan bahasa yang murni sekali gus mampu memperkasakan kepercayaan, nilai dan pegangan hidup selain mengatur perlakuan serta tingkah laku seharian mereka.
- terdapat perbezaan yang ketara dari segi penggunaan bahasanya. Filem Melayu klasik misalnya, didapati banyak menggunakan ungkapan berbentuk kiasan yang sangat indah dan halus untuk menyampaikan idea, mesej, menggambarkan peristiwa, malah dalam hal ehwal penyelesaian masalah berbanding filem moden yang kelihatan penggunaan bahasanya lebih bersifat ringkas, kurang halus, malah mengandungi unsur percampuran bahasa asing yang ketara dek kesan globalisasi.

PENGENALAN

- filem Melayu klasik lebih sarat dengan nilai kesantunan dan amat berkait rapat dengan budaya dan akal budi masyarakat Melayu.
- Situasi ini harus diteliti, dikaji dan tidak boleh dipinggirkan supaya generasi hari ini akan dapat bersama-sama mengetahui serta menghayati penggunaan bahasa yang halus sekali gus melestarikan identiti serta jati diri bangsa Melayu dalam asas garapan filem-filem Melayu moden di masa depan.
- Ini penting kerana sahsiah diri yang baik oleh seseorang individu amat berkait rapat dengan kesantunan; memungsikan peranan media yang berimpak tinggi dalam kehidupan mereka.



OBJEKTIF



- mengenal pasti strategi kesantunan dalam filem Damaq
- menganalisis penggunaan strategi kesantunan dalam filem Damaq



METODOLOGI

Kualitatif

Lima metod:

- Muat turun bahan
- Transkripsi
- Analisis teks
- Penjadualan bagi jumlah dan petraturan

Model Kesantunan Brown & Levinson

- Kesantunan Berterusterang
- Kesantunan Positif
- Kesantunan Negatif
- Kesantunan Tidak Langsung

DATA ANALISIS

11 babak

24 Konteks Perbualan

198 Dialog

Lima watak:

Damaq,
Anggerik,
Bujang,
Kenanga dan
Gegala

DAPATAN ANALISIS

Empat strategi kesantunan B&L, iaitu SBT, SKP, SKN, dan STL diaplikasikan oleh watak Damaq, Anggerik, Bujang, Kenanga dan Gegala dalam tiga variasi pilihan strategi kesantunan yang berbeza-beza.

Tiga variasi pilihan strategi:

- i). aplikasi empat strategi kesantunan,
- ii) aplikasi tiga strategi kesantunan, iii). aplikasi dua strategi kesantunan;

DAPATAN ANALISIS

Jadual 1: Strategi Kesantunan Dalam Filem *Damaq*

(1) Babak	(2) Konteks Perbualan	(3) Strategi Kesantunan				(4) Jumlah Dialog	(5) Peratus (%)
		SBT	SKP	SKN	STL		
1	K1	2	3	8	1	14	12.2
2	K2, K3	5	4	2	2	13	11.4
3	K4, K5	1	2	4	3	10	8.8
9	K17, K18	3	2	4	1	10	8.8
10	K19, K20, K21	4	2	6	7	19	16.7
Jumlah		15	13	24	14	66	58.0
5	K7, K8, K9	0	5	2	4	11	9.6
11	K22, K23, K24	0	3	4	6	13	11.4
Jumlah		0	8	6	10	24	21.0
4	K6	1	5	1	0	7	6.1
6	K10, K11	2	0	1	2	5	4.4
8	K13, K14, K15, K16	1	5	0	4	10	8.8
7	K12	0	1	1	0	2	1.8
JUMLAH KESELURUHAN		19	32	33	30	114	100

Petunjuk:

K Konteks Perbualan
SBT Strategi Berterus-terang
SKP Strategi Kesantunan Positif
SKN Strategi Kesantunan Negatif
STL Strategi Tidak Langsung
0 Tiada data

DAPATAN ANALISIS

Jadual 9: Substrategi Kesantunan Tidak Langsung dan Contoh Ujaran

Babak	Konteks	Watak	Substrategi	Contoh Ujaran
Sepuluh	K20	Damaq	Membuat sindiran	1. Ya, Damaq masih hidup. Masih bernyawa dan masih bernafas.
			Memberikan petunjuk yang berkaitan	2. Datang bukan sebarang datang, datang untuk membuat hitungan (Pantun)
			Menggunakan kiasan atau metafora	3. Dengan pagar yang merosakkan tanaman 4. Cis! Lidah hamba lebih fasih berkata-kata kalau keris terhunus di tangan.

3 substrategi dalam STL diaplikasikan oleh Damaq dalam K20, iaitu (i) membuat sindiran, (ii) memberikan petunjuk yang berkaitan dan (iii) menggunakan kiasan atau metafora.

Substrategi menggunakan kiasan atau metafora merupakan substrategi yang paling kerap digunakan Damaq dalam ujaran (ujaran 3 dan 4). Ujaran 3 - "dengan pagar yang merosakkan tanaman" memperlihatkan Damaq telah kembali ke kampungnya setelah mengetahui bahawa abangnya, iaitu Gegala telah mengahwini tunangnya. Ujaran kiasan tersebut diujarkan kerana Damaq merasakan dia telah dikhianati oleh abangnya sendiri. Damaq sememangnya bertujuan memberi ancaman muka kepada Gegala tetapi telah dilembutkan melalui penggunaan kiasan tersebut; sebagai seorang abang, Gegala sememangnya perlu dihormati. Dalam ujaran ini, penggunaan kiasan atau metafora memerlukan lawan tutur untuk menginterpretasikan sendiri ujaran tersebut. Jika interpretasi terhadap ujaran tersebut dianggap tidak santun, maka risiko lawan tutur mengalami kehilangan muka adalah besar (Penelope Brown & Stephen C. Levinson, 1987: 69).

KESIMPULAN

- SKN yang diperlihatkan oleh Anggerik dengan memberikan keutamaan kepada aspek muka negatif lawan tutur membuktikan bahawa dirinya juga ingin dihormati dan dihargai seperti orang lain. Sifat Anggerik yang penuh dengan kesantunan dan bertindak dengan penuh kebijaksanaan bertepatan dengan ungkapan Melayu, iaitu "*Siapa berfikir dengan senonoh, banyak berkawan tiada bermusuhan. Siapa berfikir dengan senonoh, duduknya kuat kuat tegaknya kukuh. Siapa berfikir dengan senonoh, hidup beramai takkan bergaduh*" (Tenas Effendy, *Kearifan Pemikiran Melayu*, 2010: 272)

KESIMPULAN

- SKP dengan analisis konteks perbualan tertinggi, iaitu K9 memperlihatkan dialog oleh watak Kenanga dan Gegala diungkapkan dengan kekerapan paling tinggi. Watak Kenanga yang digambarkan dalam filem ini sebagai wanita Melayu yang sopan santun, lemah lembut, berbudi bahasa dan menghormati orang lain, manakala watak Gegala digambarkan sebagai seorang abang yang bertanggungjawab, berani dan rela berkorban untuk orang yang dikasihi.



KESIMPULAN

- STL yang mencatat jumlah ketiga tertinggi dengan 30 dialog memperlihatkan dominasi dalam K20 melalui watak Damaq. Watak Damaq digambarkan sebagai seorang jejaka yang sangat menghormati abangnya, bersifat kepahlawanan, gagah dan berbudi pekerti. Nilai-nilai perwatakan Damaq yang diketengahkan oleh pengarah melalui ujaran yang sifatnya sangat berlapis; menggunakan banyak perlambangan dan kiasan seperti membuat sindiran dan menggunakan kiasan. Ini membuktikan bahawa Damaq gemar menyampaikan maksudnya secara tersirat supaya dapat ditafsirkan dengan baik oleh lawan tuturnya.



JAZAKALLAHU KHAIR

Sebarang pertanyaan boleh email penulis di:

arinajr@iium.edu.my

